**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 1. | Telom Hydroelectric Dam project cancelled on Oct 3: Yeo | The Sun Daily | Klik pada tajuk berita |
| 2. | Telom hydroelectric dam project cancelled on Oct 3, says energy minister | New Straits Times | Klik pada tajuk berita |
| 3. | Telom Dam project was scrapped last Oct, says Environment Minister | The Star | Klik pada tajuk berita |
| 4. | Menteri: K'jaan batalkan projek Empangan Telom | Malaysiakini | Klik pada tajuk berita |
| 5. | Malaysia needs a river commission | New Straits Times | Klik pada tajuk berita |
| 6. | Bersihkan sisa plastik jika tidak mahu tanah dirampas | Kosmo! | Klik pada tajuk berita |
| 7. | Semakan semula tarif pembetungan masih dalam kajian - Dr Xavier | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 8. | Gempa bumi kuat landa kepulauan Prince Edward | Malaysiakini | Klik pada tajuk berita |
| 9. | Gempa bumi sederhana landa Rantau Sumba, Indonesia | Kosmo | Klik pada tajuk berita |
| 10. | Advancing science with humanity in mind | New Straits Times | Klik pada tajuk berita |
| 11. | Sedia garis panduan ketat kemasukan sisa plastik haram | Selangorkini | Klik pada tajuk berita |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 12. | Perak cadang kerajaan persekutuan tubuh suruhanjaya sungai | Bernama | Klik pada tajuk berita |
| 13. | Clear it or lose it, S'gor warns land owners / Land owners warned over waste | New Straits Times | Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 1 |
| 14. | 104 kilang haram ditutup | Sinar Harian | Rujuk lampiran 2 |
| 15. | National Energy Awards 2019 (Printed Ads) | New Straits Times | Rujuk lampiran 3 |

**TEMPATAN**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 16. | Hentikan caj, haramkan terus beg plastik | Utusan Malaysia | Rujuk lampiran 4 |
| 17. | Malaysia to explore potential collaborations with Palestine – MITI | New Straits Times | Klik pada tajuk berita |
| 18. | It's time to migrate from oil palm cultivation | New Straits Times | Klik pada tajuk berita |
| 19. | Importance of academia-university linkages | New Straits Times | Klik pada tajuk berita |
| 20. | Econ 4.0: The future of Asean: A to J | The Edge Markets | Klik pada tajuk berita |
| 21. | Padanan industri, universiti | Harian Metro | Klik pada tajuk berita |
| 22. | WCV signs blockchain tech MOUs | New Straits Times | Klik pada tajuk berita |
| 23. | Malaysia production cap puts dent in Lynas quarterly earnings | The Malaysian Insight | Klik pada tajuk berita |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 24. | Rampas tanah jika gagal bersih sisa plastik | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |
| 25. | Selangor closes five more plants | The Star | Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 5 |
| 26. | **Riding on advanced robotics, IoT applications** | New Straits Times | Rujuk lampiran 6 |

**ANTARABANGSA**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 27. | **Sony tawar robot anjing awasi keluarga** | Kosmo | Rujuk lampiran 7 |
| 28. | **Lapan terkorban akibat banjir di Indonesia** | Kosmo | Rujuk lampiran 8 |
| 29. | **Bali kenakan cukai pelancong RM41** | Sinar Harian | Rujuk lampiran 9 |

**LAMPIRAN 1**
**NEW STRAITS TIMES (NATION/NEWS): MUKA SURAT 67**
**TARIKH: 24 JANUARI 2019 (KHAMIS)**

PLASTIC WASTE

# LAND OWNERS WARNED OVER WASTE

Those who rent out land to illegal recycling factories in Selangor must clear waste

DAWN CHAN
**PORT KLANG**
cnews@nstp.com.my

LAND owners have been warned that they risk losing their properties if they fail to clear them of plastic waste within two to three months after being notified by the authorities.

Selangor Local Government, Public Transportation and New Village Development Committee chairman Ng Sze Han said land owners who failed to adhere to the directive could have their properties seized.

He was referring to land owners who rented out their plots to illegal plastic recycling factories, but had yet to clear the waste and let licensed parties take over the materials to be processed.

"We will not think twice about it. Land owners will be given two to three months to clear the plastic waste. If it is not done, the land will be seized."

He said this after an integrated operation to shut down illegal plastic recycling factories in Telok Gong Industrial Park here.

The joint operation was led by the Klang Municipal Council, Immigration Department and the Department of Environment (DoE).

Five illegal plastic processing factories were ordered to cease operations, bringing the total number of premises told to shut down in the state to 104.

Ng said 99 illegal plastic recycling factories had been shut down in Selangor in a six-month enforcement period.

He said 66 were operating in Klang and 33 in Kuala Langat.

"Many of the illegal factories were set up in Klang and Kuala Langat due to their proximity to Port Klang.

"In the past year, such factories have been mushrooming in both areas."



*Selangor Local Government, Public Transportation and New Village Development Committee chairman Ng Sze Han (fourth from right) inspecting a plastic processing factory in Telok Gong Industrial Park, Port Klang, yesterday.* BERNAMA PIC

Ng said there was an urgent need for a better control of such premises, and DoE and the Housing and Local Government Ministry must come up with stricter policies.

He said authorities at the state level and councils could only take action when it concerned land abuse and licensing.

"The problem has to be tackled at source where the import of plastic waste from Australia, New Zealand, the United Kingdom and other developed countries must be stopped.

"My message to these countries is take back your rubbish. Malaysia is not a dumping ground and we are serious in barring illegal plastic factories from operating here."

A land owner claimed that he did not know that materials imported by a plastic-processing business that rented his land were harmful plastic.

He said he had been renting out his land for RM10,000 a month to the company's operator, a foreigner, for the past six months.

# LAMPIRAN 2
## SINAR HARIAN (KLANG): MUKA SURAT 22
## TARIKH: 24 JANUARI 2019 (KHAMIS)

HUBUNGI SKUAD KLANG: AZIE YAHYA - 019-6120247 / 019 6680275

# 104 kilang haram ditutup

***Pemilik tanah diberi tiga bulan baik pulih, bersih sisa plastik***



Kilang haram yang disita dalam operasi bersepadu, semalam.



Sze Han menunjukkan sisa plastik yang terdapat di kilang plastik haram.



Azmizam menunjukkan sisa plastik yang belum diproses.

AZIE YAHAYA

**PELABUHAN KLANG**

Sebanyak 104 kilang plastik yang beroperasi di dua daerah di negeri ini ditutup kerana beroperasi secara haram.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Jan berkata, 71 kilang terbabit terletak di Klang, manakala 33 lagi di daerah Kuala Langat.

"Sebanyak 104 kilang haram berjaya ditutup di Selangor termasuk lima kilang yang kita serbu dalam operasi di sekitar Telok Gong hari ini (semalam)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas operasi bersepadu kilang lastik haram di sekitar Telok Gong, di sini semalam.

Turut serta, Adun Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri; Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Shafe'ee Yasin dan Pengarah Jabatan Perlesenan Majlis Perbandaran Klang (MPK), Azhar Samsudin.



AZHAR

Sze Jan berkata, 33 kilang plastik haram di Kuala Langat yang sebelum ini dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa sudah melakukan kerja-kerja pembersihan sisa plastik.

"Melalui pemantauan yang dijalankan, terdapat dua lagi tapak kilang yang sebelum ini dikenakan tindakan masih belum melakukan kerja-kerja pembersihan dan pemulihan semula tanah.

"Oleh itu, saya nasihatkan kepada pemilik tanah supaya segera melakukan proses pembersihan dan membaik pulih tanah," katanya.

### *Bersihkan atau tanah dirampas*

Sze Jan berkata, tindakan rampas tanah akan diambil oleh kerajaan negeri jika pemilik gagal membersihkan sisa plastik ditinggalkan penyewa tanah mereka selepas kilang disita.

Katanya, tiada tolak ansur bagi pihak terbabit kerana amaran sudah diberikan sebelum ini.

Beliau berkata, pemilik tanah diberikan tempoh tiga bulan untuk melakukan kerja pembersihan.

"Pemilik tanah sudah diberikan Notis 7B kepada beberapa pengusaha kilang dan pemilik tanah yang didapati menyalahgunakan tanah.

"Oleh itu kita beri masa tiga bulan kepada mereka untuk membersih dan memulihkan tanah terbabit.

"Jika mereka gagal berbuat demikian, kerajaan negeri tidak akan teragak-agak untuk merampas tanah mereka," katanya.

Sze Jan berkata, tempoh itu mencukupi dan pihak tidak akan berkompromi kerana perkara tersebut sudah diputuskan dalam mesyuarat exco sebelum ini.

### *Kacau ganggu kepada penduduk*

Sementara itu, Azmizam berkata, pihaknya sering menerima aduan penduduk terutama di Teluk Gong dan Pulau Indah yang terkesan akibat pencemaran dihasilkan kilang plastik haram.

"Tak semua sisa plastik ini boleh diproses dan diguna semula. Jadi sisa ini dihantar ke tempat lain untuk dibakar pada waktu malam.

"Pembakaran dibuat secara terbuka dan ini menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk berhampiran kerana bau kurang menyenangkan," katanya.

Beliau berkata, sisa plastik turut dibuang di kawasan hutan kayu bakau sehingga menjejaskan ekosistem di kawasan terbabit.

"Ada juga pengusaha kilang buang sisa plastik ini ke kawasan penambakan tanah seperti di kawasan hendak dibangunkan seperti di Selat Damai dan kampung tradisi di Pulau Indah," katanya.

Azmizam berkata, usaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan kerajaan negeri melakukan operasi bersepadu kilang plastik haram wajar dipuji.

"Kita berterima kasih kepada pihak terbabit selain agensi lain seperti MPK dan JAS kerana turun padang.

"Harap usaha ini dapat membendung kewujudan kilang-kilang haram di Selangor," katanya.

Mengulas mengenai operasi yang dijalankan itu, Azhar berkata, pihaknya sering melakukan operasi bagi membendung kilang plastik haram di kawasan pentadbiran MPK.

"Sehingga kini, 33 kilang di sekitar Klang diberi notis dan ditutup hasil 23 operasi yang kita jalankan," katanya.



Sisa yang ditemui di kilang plastik haram.



Notis yang ditampal dihadapan premis.

## LAMPIRAN 3
## NEW STRAITS TIMES (ADVERTISEMENT): MUKA SURAT 9
## TARIKH: 24 JANUARI 2019 (KHAMIS)



**LAMPIRAN 4**
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 10**
**TARIKH: 24 JANUARI 2019 (KHAMIS)**

# Hentikan caj, haramkan terus beg plastik

**SHAH ALAM 23 Jan.** - Hasrat Selangor untuk meningkatkan kesedaran rakyat menolak penggunaan beg plastik bagi menjamin kelestarian alam sekitar dilihat tidak akan berjaya, jika kerajaan negeri berterusan membenarkan industri pengilangan plastik bercambah di negeri ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Air Tawar, Rizam Ismail berkata, beliau menyokong dasar kelestarian alam sekitar tetapi bukan dengan mengenakan caj 20 sen ke atas pengguna dan pada masa yang sama, kilang-kilang memproses plastik bersepah di Selangor.

Beliau yang juga Ketua Pembangkang berkata, senario itu hanya memperlihatkan dasar *flip-flop* dan sebab itulah selepas dua tahun penguatkuasaan caj 20 sen dikenakan, kadar penggunaan beg plastik di Selangor tidak juga memperlihatkan penurunan yang signifikan.



**RIZAM ISMAIL**

"Hasrat untuk melestarikan alam sekitar itu sememangnya bagus, tetapi mestilah disokong dengan dasar yang konsisten. Kita tidak boleh mengenakan caj 20 sen ke atas rakyat kerana menggunakan beg plastik, tetapi kilang memproses plastik baik yang berlesen ataupun haram bersepah.

"Jika begini keadaannya, hasrat melestarikan alam sekitar itu bukan sahaja tidak tercapai, sebaliknya rakyat pula dikenakan caj tambahan yang menambah beban mereka dalam keadaan kos sara hidup meningkat kepada sesuatu yang seperti sia-sia," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Rizam menambah, rakyat mempersoalkan perkara itu dan sebagai kerajaan, kepemimpinan negeri di bawah Menteri Besar, Amirudin Shari perlu segera memperbetulkan keadaan bagi membolehkan objektif asal bebas plastik tercapai.

Katanya, bagi maksud itu, kerajaan negeri perlu lebih berani dan tegas iaitu dengan mengharamkan terus beg plastik kerana tempoh 'percubaan' selama dua tahun sudah mencukupi kerana selagi beg plastik masih di pasaran, penggunaannya akan berterusan.

"Akhirnya yang untung adalah peniaga, yang terbeban adalah orang ramai, jadi haramkan sahaja beg plastik dan pada masa yang sama gantikan dengan beg kertas sebagai alternatif kepada pengguna," jelasnya.

**LAMPIRAN 5**
**THE STAR (NATION): MUKA SURAT 19**
**TARIKH: 24 JANUARI 2019 (KHAMIS)**

# Selangor closes five more plants



**Plastic waste:** (From left) Le ong, Azmizam and Ng inspecting a piece of plastic seized from an unlicensed recycling plant in Telok Gong.

## Illegal recycling factories causing pollution

**By EDWARD RAJENDRA**
edward@thestar.com.my

**PORT KLANG:** Another five unlicensed recycling factories, whose operations had caused plastic waste to pollute drainage and rivers, have been shut down.

These five factories are located in Teluk Gong. They were shuttered by the Klang Municipal Council's (MPK) Licensing Department.

State Local Government, Public Transport and New Village Development Committee chairman Ng Sze Han, who followed an operation to close down illegal businesses operating on factory lots along Jalan Telok Gong, said this latest closure meant that a total of 104 such businesses had been shuttered in Selangor over the past six months.

Of the 104, he said 33 were found in Kuala Langat while the rest were in Klang.

"According to MPK, the five illegal businesses involved in the reprocessing of plastic resin had been issued with compounds and ordered to cease operations. But the owners had been adamant and continued to operate," Ng said.

The MPK then came to seal the factories, adding that their water and power supply was disconnected too.

Ng said the operations to shut down illegal reprocessing of plastic would not only be concentrated in Kuala Langat and Klang but also in other districts in the state.

Yesterday, it was noticed that most of the plastic materials were from computer parts, phone covers, water pipes and covers of water filters, among others.

Ng said that the plastic waste is believed to have been shipped into Malaysia from countries such as the United States, Australia, New Zealand and Japan.

In the past six months, he said 40 business owners involved in recycling smuggled plastic have been charged.

Port Klang assemblyman Azmizam Zaman Huri claimed that illegal recycling plastic businesses had also dumped the waste at mangrove forests along the coastal areas of Port Klang.

"Most of the time, plastic waste that could not be recycled was dumped in Taman Selat Damai, Taman Teluk Gedong Indah, Kampong Perajurit and other secluded areas," he said.

MPK's Licensing Department director Azhar Shamsuddin said they would continue to identify other illegal plastic businesses.

# LAMPIRAN 6
## NEW STRAITS TIMES (BUSINESS/NEWS): MUKA SURAT 22
## TARIKH: 24 JANUARI 2019 (KHAMIS)

VIEW POINT



MADANI SAHARI

AUTOMOTIVE

# Riding on advanced robotics, IoT applications

*"A large number of Malaysian parts and component suppliers are now applying best manufacturing practices and reducing waste through the implementation of Lean Production Systems ...*

**LAST** week, together with the International Trade and Industry deputy minister, we presented the overview of the automotive industry for last year and the government's plans to elevate technology adoption within the local ecosystem this year.

Despite a challenging automotive policy implementation this decade, a changing face of globalisation as seen in the economic outlook of global superpowers and stiffer competition within the region, Malaysia's main technological community yet again demonstrated its resilience.

Exports of vehicles, parts and components and remanufactured parts increased to RM2.08 billion, RM12.1 billion and RM523.1 million, respectively.

More than 60,000 new jobs were created with a huge rise in the volume of a highly skilled workforce in product and process design, data analysis, design validation, etc.

A large number of Malaysian parts and component suppliers are now applying best manufacturing practices and reducing waste through the implementation of Lean Production Systems throughout their operations, with a significant number of businesses now fully equipped with in-house product and process design capabilities.

We should be proud that our domestic automotive ecosystem has risen in strength through localisation by all brands operating nationwide.

More than 62 per cent of new cars are now energy efficient vehicles, and more people have participated in safety and inspection campaigns as well as motor shows organised throughout the automotive event calendar.

However, for me we are only as good as our last success.

While we acknowledge our current foundations, we are quickly looking to move to the global stage. The government's call for a meaningful participation in science, technology and engineering is key to moving our society as a whole through higher levels.

There has been resistance, more in the form of scepticism among those who feel our dreams are too big for our own capabilities. My answer is simple — the creation of top level participation, be it through public or private ventures, creates the necessary trickle-down effect to elevate the poor to satisfactory, the satisfactory to good and the good to excellent.

If it is true that resources are limited, they are chanelled to create activities of the technology chain in order to create opportunities for those at the bottom tiers. Then, when the bottom needs a push forward, they already have the demand created for them and all they need is the means to start and operate.

This year, the ministry, through Malaysia Automotive, Robotics and IoT Institute (MARii), is taking this exact approach to spur the elevation of the automotive industry towards connected mobility and the adoption of robotics and Internet of Things (IoT) throughout the local value chain.

In the areas of technology, new programmes are being implemented in areas such as additive manufacturing and generative design, augmented reality, digital engineering and prototyping, artificial intelligence and telematics.

This is through many turnkey projects undertaken by MARii in the fields of lithium ion batteries, electric mass transportation and manufacturing system integration.

The adoption of technologies will be paired with human capital readiness with latest MARii's Industry Professional Certificate and Automotive Industry Certification Engineering programmes to allow for the reskilling and knowledge enhancement of graduates.

New academic programmes will develop graduates in Industry 4.0 through advanced diplomas, associate degrees, and masters by research through a MARii Industry 4.0 Academy.

Many of these programmes will be implemented not just in the Klang Valley, but through established MARii satellites that will be strategically placed nationwide.

The implementation plan is designed to cover all areas of technology adoption, and ride on technology adoption of advanced robotics and IoT applications within the automotive industry and mobility as a whole.

*The writer is the chief executive officer of Malaysia Automotive, Robotics and IoT Institute.*

**LAMPIRAN 7**
**KOSMO (DUNIA): MUKA SURAT 43**
**TARIKH: 24 JANUARI 2019 (KHAMIS)**

# Sony tawar robot anjing awasi keluarga

**TOKYO** – Sony memperkenalkan robot berbentuk anak anjing yang dinamakan sebagai Aibo untuk membantu mengawasi ahli keluarga, kanak-kanak termasuk haiwan peliharaan, menurut syarikat gergasi elektronik Jepun itu semalam.

Robot sepanjang 30 sentimeter itu dilengkapi kamera, lampu diod pemancar cahaya (LED) pada bahagian mata, teknologi kecerdasan buatan dan sambungan internet yang boleh dikawal dari jarak jauh.

Aibo boleh ditetapkan untuk melakukan rondaan di sekeliling rumah mengikut waktu yang ditetapkan untuk mengesan selain menjaga ahli keluarga.

Harga robot itu hampir AS$3,000 (RM12,400) termasuk pakej tiga tahun untuk perkhidmatan perisian dan simpanan data.

Pemilik akan menerima laporan semasa melalui telefon pintar melalui perkhidmatan yang bermula pada bulan depan hasil kerjasama dengan sebuah syarikat keselamatan kediaman, Secom.

"Kamu boleh memeriksa keadaan keluarga dari jauh dan apa yang anak anda lakukan di rumah," kata ketua projek itu, Izumi Kawanishi kepada wartawan di ibu pejabat Sony di Tokyo. – AFP




AFP

**SEPASANG robot Aibo termasuk model keluaran khas 2019 (kanan) dipamerkan di ibu pejabat Sony di Tokyo, Jepun semalam.**

**LAMPIRAN 8**
**KOSMO (DUNIA): MUKA SURAT 42**
**TARIKH: 24 JANUARI 2019 (KHAMIS)**

# Lapan terkorban akibat banjir di Indonesia



AFP

**GAMBAR** rakaman dari udara menunjukkan keadaan banjir di Gowa, Sulawesi, Indonesia semalam.

**JAKARTA** – Sekurang-kurangnya lapan orang maut dan beribu-ribu lagi terpaksa berpindah keluar dari kediaman masing-masing selepas kejadian banjir kilat dan tanah runtuh di Indonesia, menurut pihak berkuasa semalam.

Seramai lima mangsa ditemui maut di daerah Jeneponto, manakala tiga lagi di Gowa, menurut Agensi Mitigasi Bencana Nasional Indonesia.

Sekurang-kurangnya empat lagi mangsa dilaporkan hilang dan pihak berkuasa masih mengumpul data daripada kawasan yang terjejas.

Hujan lebat dan angin kuat membadai kawasan pulau Sulawesi semalaman, mengakibatkan air melimpah keluar dari sungai lalu menyebabkan sebahagian wilayah Makassar dan sejumlah perkampungan di sembilan buah daerah di Sulawesi ditenggelami air.

"Hujan lebat bermula pada Selasa (kelmarin) di beberapa kawasan Sulawesi Selatan, mengakibatkan banjir," kata jurucakap agensi itu Sutopo Purwo Nugroho.

Banjir itu juga memusnahkan dua buah jambatan di Sulawesi.

"Anggota penyelamat masih mencari mangsa yang hilang," katanya yang menyatakan operasi mencari terjejas disebabkan hujan lebat.

Pada Oktober lalu, 22 orang maut akibat bencana sama di beberapa daerah di serata pulau Sumatera. – AFP

**LAMPIRAN 9**
**SINAR HARIAN (GLOBAL): MUKA SURAT 3**
**TARIKH: 24 JANUARI 2019 (KHAMIS)**

# Bali kenakan cukai pelancong RM41



**TIMBUNAN** sisa plastik menjadi masalah besar di Bali.

**DENPASAR** - Bali akan mengenakan levi AS$10 (RM41) terhadap pelancong asing sebagai usaha untuk memelihara alam sekitar.

Pentadbiran pulau peranginan telah menggubal undang-undang yang telah dibincangkan dengan penggubal undang-undang sejak Disember lalu.

Gabenor Bali, Wayan Koster berkata, hasil cukai pelancong itu akan digunakan untuk membiayai program pemuliharaan alam sekitar dan kebudayaan di pulau peranginan tersebut.

"Ini akan ruang fiskal yang lebih untuk menyokong pembangunan Bali. Pelancong akan memahami peraturan baharu ini dan ia dijangka tidak menjejaskan jumlah pelancong ke pulau ini," ujarnya.

Wilayah tersebut kini bergelut dengan sisa plastik selain kira-kira 3,800 tan sisa buangan dihasilkan di Bali pada setiap hari dan hanya 60 peratus dilupuskan. - *AFP*